



**KENYATAAN MEDIA**  
**YAB PERDANA MENTERI**

---

**SIDANG KHAS PENGURUSAN PANDEMIK: COVID-19**  
**2 SEPTEMBER 2021**

---

1. Berdasarkan keputusan Sidang Khas Pengurusan Pandemik COVID-19, saya ingin memaklumkan peralihan fasa di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi negeri-negeri berikut:
  - Melaka beralih kepada Fasa 2
  - Negeri Sembilan beralih kepada Fasa 3

Peralihan fasa bagi negeri-negeri di atas akan bermula pada 4 September 2021.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, mesyuarat bersetuju untuk membuka sektor pelancongan di beberapa destinasi di bawah program “travel bubble” berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Sebagai permulaan, Pulau Langkawi telah dipilih sebagai projek rintis untuk dibuka kembali kepada pelancong tempatan bermula 16 September. Destinasi pelancongan yang lain akan dibenarkan beroperasi apabila kadar vaksinasi lokaliti mencapai 80%.
3. Selain itu, mesyuarat juga telah sebulat suara bersetuju agar Sidang Khas ini dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik. Jawatankuasa Khas ini bakal melibatkan wakil daripada parti pembangkang. Pendekatan ini merupakan salah satu usaha kolektif untuk melibatkan semua pemegang taruh bagi memastikan pemulihan negara berjalan seperti yang telah dirancang, seiring dengan semangat **Keluarga Malaysia**.

4. Alhamdulillah, hari ini buat pertama kalinya selepas beberapa bulan, kadar purata kebolehtangkitan (R-naught) seluruh negara berada di bawah 1.0, dan saya yakin kita berada di landasan yang tepat ke arah pemulihan negara.
5. Berdasarkan unjuran data Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), purata kadar vaksinasi di setiap negeri dijangka mencapai 80% bagi populasi dewasa menjelang penghujung September 2021. Saya percaya kadar vaksinasi 100% akan dicapai akhir Oktober 2021, sekali gus memberi perlindungan kepada **Keluarga Malaysia**.
6. Rakyat dan seluruh **Keluarga Malaysia** juga perlu bersedia untuk hidup bersama COVID-19 sebagai endemik selepas Oktober apabila suntikan vaksin dijangka selesai sepenuhnya. Justeru, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diminta untuk membentangkan strategi baharu pandemik dan endemik yang bersesuaian selain daripada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) semata-mata.
7. Saya menyambut baik saranan mengenai usaha untuk melakukan perubahan kepada tingkah laku (*behavioural change*) seperti yang diumumkan KKM pada 1 September 2021. **Keluarga Malaysia** perlu sedar, akhirnya kita terpaksa hidup bersama COVID-19 seperti yang berlaku di seluruh dunia.

**DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

**2 SEPTEMBER 2021**